

PENGGUNAAN FROG VLE DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL LUAR BANDAR NEGERI MELAKA

MAGALA A/P SUBERMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



**PENGUNAAN FROG VLE DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH JENIS
KEBANGSAAN TAMIL LUAR BANDAR NEGERI MELAKA**

MAGALA A/P SUBERMANIAM



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tandakan (/)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Khusus

Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 Jun 2021

i. Perakuan Pelajar

Saya MAGALA A/P SUBERMANIAM dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGUNAAN VLE FROG DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL LUAR BANDAR NEGERI MELAKA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.


Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia

Saya, Dr.Faridah Hanim Binti Yahya dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGUNAAN VLE FROG DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL LUAR BANDAR NEGERI MELAKA dihasilkan oleh pelajar seperti nama diatas, dan telah diserahkan kepada institusi Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN.

10 JUN 2021

Tarikh


Tandatangan Penyelia



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind : 00 m/s 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK/ DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title : PENGGUNAAN VLE FROG DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL LUAR BANDAR NEGERI MELAKA
No Matrik/Matric No: M20161000397
Saya: MAGALA A/P SUBERMANIAM

mengaku membenarkan tesis/disertasi /laporan kertas projek (doctor falsafah/sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

Acknowledge that university pendidikan sultan idris (tuanku bainun Library) reserves the right as follows:

1. Tesis /disertasi/laporan kertas projek ini adalah hak milik UPSI.
The Thesis Is Property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salian untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
The library has the right to make copies of the academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salian tesis /disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The library are not allow to make any profit for 'open access' thesis/dissertation.

Sila tandakan () bagi pilihan dibawah/ Please tick () for category below:

mengandungi maklumat darjah keselamatan atau akta kepentingan Malaysia seperti termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972/ contains confidential information under the Official Secret Act 1972

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh badan dimana penyelidikan ini dijalankan./contains Restricted information as specified by organization were research was done

☐	SULIT /CONFIDENTIAL
☐	TERHAD/RESTRICTED
☐	TIDAK TERHAD/ OPEN ACCES


(Tandatangan Pelajar/Singnature)

Tarikh: 7 JUN 2022


(Tandatangan Penyelia/singnature of supervisor)

Dr. Faridah Hanim Yahya
Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris



PENGHARGAAN

Syukur saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah ini bagi memenuhi keperluan bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Sekolah Rendah. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Faridah Hanim atas segala nasihat, dorongan, bimbingan yang diberikan beliau bagi menyempurnakan desertasi ini. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau telah banyak membantu saya untuk menghasilkan desertasi ini. Saya juga menghargai Dr.Faridah Hanim yang cepat bertindak sepanjang proses penyeliaan dan sudi berkongsi kepakaran beliau dengan membimbing saya tanpa mengira waktu.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Daerah Melaka kerana telah membenarkan saya menjalankan kajian di sekolah ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini terutamanya suami saya Saravanan Leaw Wai Keong yang telah memberikan dorongan sepenuhnya. Tidak lupa juga buat rakan-rakan yang banyak memberi dorongan semangat, memberi bimbingan dan sokongan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini.





ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil luar bandar negeri Melaka. Seramai 160 orang murid dipilih secara rawak berstrata dari 18 buah sekolah Tamil yang tidak mencapai indeks prestasi utama atau *key performance indicator* (KPI) terlibat dalam kajian. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen kajian ialah soal selidik yang mengandungi empat konstruk iaitu sikap, kemahiran, penggunaan dan halangan. Soal selidik ini menggunakan lima skala likert. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan, tahap sikap terhadap penggunaan Frog VLE adalah tinggi ($M=4.52$, $SP=0.57$), tahap kemahiran penggunaan Frog VLE adalah tinggi ($M=4.11$, $SP=0.79$), tahap penggunaan Frog VLE adalah sederhana ($M=3.46$, $SP=1.04$), tahap halangan yang dihadapi oleh murid menggunakan Frog VLE di sekolah adalah sederhana ($M=2.75$, $SP=0.72$) dan tahap halangan yang dihadapi oleh murid menggunakan Frog VLE di rumah adalah rendah ($M=2.37$, $SP=0.85$). Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan tahap penggunaan Frog VLE, di mana pertaliannya adalah kuat ($r=0.65$, $p=0.00$, $p < 0.05$). Kemahiran murid pula mempunyai hubungan yang baik dengan tahap penggunaan Frog VLE, di mana pertaliannya adalah kuat ($r=0.65$, $p=0.00$, $p < 0.05$). Manakala, hubungan antara halangan yang dihadapi oleh murid dengan penggunaan Frog VLE berada pada tahap lemah dan negatif tetapi signifikan ($r=-0.34$, $p=0.00$, $p < 0.05$). Kesimpulannya, tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil luar bandar negeri Melaka adalah baik, namun masih boleh diperbaiki dari segi penggunaannya. Implikasi kajian, pihak pentadbir perlu menganjurkan lebih banyak kursus penggunaan Frog VLE kepada murid dan guru perlu memberi lebih banyak latihan kepada murid menggunakan Frog VLE.



UTILIZATION OF FROG VLE AMONG RURAL TAMIL SCHOOLS STUDENTS IN MELAKA

ABSTRACT

The content order of this research is to identify the obstacle factors that affect the usage of Frog VLE among the rural area Tamil Schools in Melaka. A total of 160 respondents from 160 randomly choose from 18 Tamil Schools, which not achieve Frog VLE Key Performance Indicator (KPI). This research is a quantitative research, whereby the researcher used survey method. Questionnaires were used in this study. It does consist of 4 construct which are behaviour, skills, usage and obstacles. This questionnaires uses 5 likert scale. All the data was analyzed using descriptive statistic and inference. The overall findings of the study indicate that behaviours of using FrogVLE is high which (M=4.52, SP=0.57), level of using skills of Frog VLE is high which (M=4.11, SP=0.79), the level of Frog VLE usage is in intermediate level which is (M=3.46, SP=1.04), obstacles level which facing by the students in the schools are in intermediate level, which (M=2.75, SP=0.72) and obstacles level which facing by the students at home is in lower level, which is (M=2.37, SP=0.85). There are significant relationship between respondent behaviour and the usage level of Frog VLE, which ($r = 0.65, p = 0.00, p < 0.05$). That means the relationship is high. The skills of using Frog VLE among students shows ($r = 0.65, p = 0.00, p < 0.05$), which means have a good relationship with the usage of Frog VLE. Meanwhile, the relationship between obstacle that facing by students with Frog VLE usage is in low and its shows low and negative but significant ($r = -0.34, p = 0.000, p < 0.05$). As a conclusion, the level of Frog VLE usage among student from rural Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, in Melaka is good but still can amend in term of the usage. As a result, school management should arrange more Frog VLE courses to the students and teachers especially in the term of its usage.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Soalan Kajian	11
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kerangka Konsep	13
1.9 Kepentingan Kajian	15
1.10 Batasan Kajian	16
1.11 Definisi Operasional	17



1.11.1 Sikap	17
1.11.2 Kemahiran	18
1.11.3 Halangan Penggunaan Frog VLE	18
1.11.4 Penggunaan Virtual Learning Environmen Frog (VLE)	19
1.11.5 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar	19
1.12 Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Pembelajaran Maya Frog VLE (Virtual Learning Environment Frog)	21
2.2.1 Definisi Pembelajaran Maya	22
2.2.2 Ciri-ciri Pembelajaran Maya	23
2.2.3 Perkembangan Frog VLE	28
2.2.4 Kelebihan Frog VLE	29
2.2.5 Rumusan	30
2.3 Teori Pembelajaran Berkaitan Kajian	30
2.3.1 Teori Konstruktivisme	31
2.3.2 Teori Difusi Inovasi	33
2.3.3 Rumusan	37
2.4 Technology Acceptance Model (TAM)	37
2.4.1 Rumusan	41
2.5 Kerangka Teori Kajian	43
2.6 Sikap Manusia	46
2.6.1 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Sikap murid terhadap Frog VLE	49
2.6.2 Rumusan	52

2.7	Kemahiran Murid dalam Penggunaan Frog VLE	52
2.7.1	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Kemahiran murid terhadap VLE Frog	55
2.7.2	Rumusan	57
2.8	Penggunaan Frog VLE dalam Proses Pembelajaran dan Pengajaran	58
2.9	Halangan Terhadap Penggunaan Frog VLE dalam Kalangan Murid	59
2.9.1	Kajian-kajian lepas berkaitan Halangan Terhadap Penggunaan Frog VLE dalam Kalangan Murid	61
2.9.2	Rumusan	63
2.10	Kesimpulan	64

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	67
3.4	Instrumen	72
3.4.1	Soal Selidik	77
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	78
3.5.1	Kesahan Borang Soal Selidik	79
3.6	Kebolehpercayaan Soal Selidik	81
3.7	Kajian Rintis	83
3.8	Proses Pengumpulan Data	84
3.9	Prosedur Analisis Data	85
3.9.1	Statistik Deskriptif	85
3.9.2	Statistik Infrensi	86
3.10	Kesimpulan	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	88
4.2	Bahagian 1 (Statistik Deskriptif)	88
4.2.1	Demografi Responden	89
4.2.2	Mengenal Pasti Sikap Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar Negeri Melaka Terhadap Penggunaan VLE Frog Dalam Proses Pembelajaran	91
4.2.3	Mengenal Pasti Kemahiran Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar Negeri Melaka Terhadap Penggunaan Frog VLE Dalam Proses Pembelajaran	95
4.2.4	Mengenal Pasti Kemahiran Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar Negeri Melaka Terhadap Penggunaan Frog VLE Dalam Proses Pembelajaran	98
4.2.5	Mengenal Pasti Halangan Yang Dihadapi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar Negeri Melaka Dalam Menggunakan Frog VLE	101
4.3	Bahagian 2 (Statistik Infrensi)	105
4.3.1	Mengenal Pasti Hubungan Sikap, Kemahiran Dan Halangan Dalam Penggunaan Frog VLE Dalam Kalangan Murid Sekolah Tamil Luar Bandar	105
4.4	Kesimpulan	108

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	110
5.2	Perbincangan	110
5.2.1	Sikap Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka Terhadap Penggunaan VLE Frog Dalam Proses Pembelajaran	111

5.2.2	Kemahiran Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka Terhadap Penggunaan Frog VLE Dalam Proses Pembelajaran	112
5.2.3	Tahap Penggunaan Frog VLE Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka	113
5.2.4	Halangan Yang Dihadapi Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka Dalam Menggunakan Frog VLE	114
5.2.5	Hubungan Antara Sikap Dan Penggunaan Frog VLE Dalam Kalangan Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka	117
5.2.6	Hubungan Antara Kemahiran Dan Penggunaan Frog VLE Dalam Kalangan Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka	117
5.2.7	Hubungan Antara Halangan Dan Penggunaan Frog VLE Dalam Kalangan Murid SJKT Luar Bandar Negeri Melaka	118
5.3	Cadangan Kajian	118
5.3.1	Cadangan Kepada Guru	121
5.3.2	Cadangan kepada pihak pentadbir/sekolah	122
5.3.3	Cadangan kepada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)	123
5.4	Implikasi Kajian	123
5.5	Kesimpulan	124
	RUJUKAN	127
	LAMPIRAN	131

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Dapatan capaian KPI pencapaian SJKT Negeri Melaka	8
3.1	Senarai Nama SJK(T) Luar Bandar Negeri Melaka Mengikut Daerah	67
3.2	Bilangan Murid Tahun 5 SJK(T) Luar Bandar Negeri Melaka	69
3.3	Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	71
3.4	Jadual Item Berserta Sumber Adaptasi	72
3.5	Jadual Penentu Kandungan Instrumen Soal Selidik	77
3.6	Skala Likert Lima Mata	78
3.7	Jadual Kesahan Instrumen Kajian	80
3.8	Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	82
3.9	Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan	82
3.10	Julat Min dan Interpretasi Bagi Sikap	86
3.11	Kekuatan Korelasi antara Dua Pemboleh Ubah	87
4.1	Taburan Latar Belakang Responden	90
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Sikap Murid	93
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Kemahiran Murid	96
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Penggunaan Frog VLE	99
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Halangan di Sekolah	102

4.6	Taburan Responden Berdasarkan Halangan di Rumah	104
4.7	Korelasi Antara penggunaan Frog VLE dan sikap murid	106
4.8	Korelasi Antara penggunaan Frog VLE dan kemahiran murid	107
4.9	Korelasi Antara penggunaan VLE Frog dan halangan	108



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Proses Membuat Keputusan Inovasi Rogers (1995)	35
2.2	Model TAM yang telah diperkenalkan oleh Davis et al.	39
2.3	Kerangka Teori Kajian	45
3.1	Formula Pengiraan Kesahan Kandungan	79
3.2	Proses pengumpulan data	85



SENARAI SINGKATAN

BTPN	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SPSS	Statistic Package of the Social Science
TAM	Technology Acceptance Model
TMK	Teknologi Multimedia Komunikasi
TRA	Theory of Reasoned Action
VLE	Virtual Learning Environment

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara bergantung pada sistem pendidikan di negara tersebut disamping meningkatkan taraf hidup komuniti. Pendidikan turut memainkan peranan dalam pembinaan negara bangsa dan pengukuhan perpaduan. Proses interaksi dalam komuniti menggalakkan perkembangan dari aspek pemahaman, penerimaan dan melihat perbezaan menerusi perkongsian pengalaman bagi membina sebuah negara bangsa yang mampan. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) baharu merupakan hasil daripada semakan semula sistem pendidikan di Malaysia yang telah dijalankan pada Oktober 2011, untuk melahirkan individu yang berupaya menghadapi cabaran abad ke-21. Maka sistem pendidikan ini telah dirangka semula dengan merujuk kepada kandungan standard pendidikan peringkat antarabangsa (PPPM 2012).



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti dan menyenaraikan 11 anjakan yang harus dilaksanakan bagi membawa perubahan seperti yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia (PPPM, 2012). Anjakan ketujuh berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information, Communication and Technology (ICT), di mana penguasaan dalam TMK atau ICT berupaya menghasilkan pendidikan yang berkualiti khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Sebanyak RM6 bilion telah dilaburkan untuk ICT sebagai satu langkah dalam pendidikan (PPPM 2012).

Seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan, maka perluasan penggunaan jalur internet disamping mempergiat penggunaan Virtual Learning Environment (VLE) melalui 1Bestarinet telah diperkenalkan (PPPM 2012). 1Bestarinet adalah projek inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia bersama kerjasama dengan syarikat swasta yang bernama Yoeh Tiong Lay Communication (YTL Communication Sdn Bhd) yang ditubuhkan oleh Tan Sri Dato' Seri Dr Yeoh Tiong Lay pada tahun 1955 (YTL Communication 2014). Menurut Frog Asia (2014), projek 1Bestarinet menetapkan 10,000 buah institusi pendidikan rendah dan menengah perlu dilengkapi dengan jalur internet tanpa wayar yang berkelajuan tinggi Yes 4G bersama Frog Virtual Learning Environment (Frog VLE) untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang tiada sempadan. (PPPM 2012).

Projek 1BestariNet direka dengan mengambil kira persekitaran pembelajaran maya bagi memudahkan proses PdP di samping menggalakkan interaksi antara guru dan murid. Frog VLE bukan sahaja digunakan di Malaysia, malah ia juga digunakan oleh 20 juta pengguna di lebih 12, 0000 sekolah di 23 buah negara di seluruh dunia



(YTL Communication, 2014). Kelebihan Frog VLE dalam PdP membolehkan murid-murid dan guru mengakses sistem di mana-mana sahaja mereka berada menerusi web (YTL Communication, 2014). Oleh kerana program ini dibangunkan untuk murid sekolah, maka Frog Asia (2014), mendefinisikan Frog VLE sebagai proses pembelajaran atas talian yang melibatkan penggunaan internet agar setiap murid dan guru dapat berhubung dengan lebih pantas dan cekap.

Justeru, Frog VLE merupakan kemudahan yang disediakan untuk merapatkan jurang digital seterusnya menyediakan murid-murid yang celik IT dalam bidang Pendidikan (PPPM 2012). Penggunaan internet dan jalur lebar ini diharapkan dapat membantu sistem pendidikan di Malaysia serta memberi peluang pendidikan yang sama rata antara murid-murid di bandar dan luar bandar (PPPM 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan mula berkembang di Tanah Melayu selepas kedatangan British. Sekolah-sekolah vernakular telah mula ditubuhkan berdasarkan Akta Buruh yang berkuat kuasa pada masa itu. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) lebih mencerminkan etnik kaum India. British telah menetapkan penubuhan sekolah mengikut kawasan penempatan sesuatu kaum. Maka sekolah aliran Tamil ditempatkan di ladang-ladang getah.

Sekolah-sekolah vernakular yang diwujudkan bertujuan untuk memberikan pendidikan sahaja tanpa menitikberatkan perpaduan antara kaum. Laporan Razak



(1956), telah memberikan perhatian kepada kepentingan sekolah vernakular. Maka laporan ini menekankan kepentingan bahasa ibunda. Menurut Akta Pendidikan (1996), 'Sekolah Jenis Kebangsaan' melambangkan sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar. Zainudin, Mohd Zaki dan Nur Azza (2015), menyatakan rasional pertubuhan sekolah vernakular adalah supaya masalah perkauman tidak wujud dalam sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bahasa ibunda dan cara hidup yang berbeza.

Sekolah vernakular mula beroperasi tanpa adanya satu keseragaman dalam sukatan pelajaran, garis panduan dan piawaian (Mohd Faizal, Alvinson Roland Demong Sazeli dan Mazlini 2015). Namun, dengan adanya Dokumen Standard Kandungan Pembelajaran yang telah seragamkan di semua sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan. Malah, taraf pembangunan sekolah-sekolah Tamil mengalami perubahan yang cukup menggalakkan.

Manakala terdapat 21 buah SJKT di negeri Melaka. Antara 21 buah SJKT ini, tiga buah sekolah dikategorikan sebagai sekolah bandar, dan 18 buah lagi merupakan sekolah luar bandar. Sekolah bandar lokasinya berhampiran dan berada di kawasan bandar, manakala sekolah luar bandar terletak di kawasan pedalaman atau di luar kawasan bandar.

Pendidikan di Malaysia pada hari ini telah mula mengaplikasikan penggunaan Frog VLE dalam proses Pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Menurut Khasiman (2013), pada masa ini, Frog VLE merupakan satu sistem yang





masih baru diperkenalkan berbanding United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Singapura. Menurut Razali, Bahador dan Saidon (2016), pembelajaran maya atau Frog VLE merupakan satu bentuk pembelajaran di atas talian yang berkonsepkan konvensional. Platform ini direka khas untuk menghubungkan setiap pengguna iaitu murid-murid dan guru untuk berinteraksi dan berbincang dari masa ke semasa (Utusan Online, 2015). Penggunaan Frog VLE dalam pendidikan memudahkan guru-guru untuk memantau setiap gerak kerja yang dilakukan oleh murid-murid seperti membolehkan guru memberi tugas kepada pelajar serta menerima tugas daripada pelajar (Utusan Online, 2015). Malahan guru juga boleh mengemas tugas dan memberi maklum balas kepada pelajar berkaitan tugas yang telah dihantar pelajar (Utusan Online, 2015). Seterusnya Frog VLE memberikan ruang kepada guru untuk melaksanakan ujian (Abdullah, Mohamed Noh, Nik Yusuff & Mansor, 2013).



Menurut Cheok dan Wong (2016), guru, pelajar dan ibu bapa turut mendapat manfaat melalui Frog VLE. Frog VLE membantu dan memudahkan guru untuk menggunakan bagi tujuan melaksanakan aktiviti PdPc seperti memberi dan menyemak tugas, memberi maklum balas serta mewujudkan forum bagi menjalankan aktiviti perbincangan antara guru dan pelajar. Frog VLE membantu pelajar menyelesaikan tugas yang diberi mengikut perancangan masa mereka tersendiri, malahan tugas yang diselesaikan boleh dihantar pada setiap masa di mana jua dengan adanya kelajuan internet. Pernyataan ini jelas menunjukkan Frog VLE membantu murid dapat mengurus masa dengan lebih baik dan efisien. Kamalludeen Hassan dan Ahmad Nasaruddin (2016), menyatakan Frog VLE sebagai satu platform yang berkesan untuk pelajar berkongsi idea dengan pelajar yang lain





secara atas talian tanpa bersemuka di satu tempat khas. Manakala para ibu bapa boleh mengikuti perkembangan terkini tentang sekolah serta kemajuan anak mereka melalui Frog VLE.

Penggunaan Frog VLE perlu diaplikasikan setiap masa kerana pembelajaran secara maya memberi impak yang positif kepada murid (Sumarni Lapammu dan Zamri Mahamod, 2018). Namun guru-guru perlu memastikan mereka dapat menyediakan bahan pengajaran yang mencukupi serta bahan pembelajaran yang sama aras dengan kebolehpayaan murid. Oleh yang demikian, setiap aktiviti yang melibatkan murid dapat dilakukan dengan lebih lancar dan sistematik memandangkan mereka boleh belajar dengan lebih aktif (Zamri, 2014, Saemah & Zamri 2017).



ditubuhkan di setiap negeri bagi merancang, memantau, menilai dan mengurus keperluan dasar teknologi pendidikan di peringkat sekolah, termasuk penggunaan Frog VLE. Justeru, jelaslah bahawa kepentingan Frog VLE kepada murid adalah satu keperluan yang sangat dititikberatkan oleh pihak kementerian. Oleh yang demikian kajian ini telah direka bentuk untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Frog VLE di sekolah jenis kebangsaan Tamil luar bandar negeri Melaka.

1.3 Pernyataan Masalah

Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan pembelajaran di Malaysia merupakan anjakan ketujuh di dalam PPPM tahun 2013-2025 (KPM, 2013). Maka, bagi tujuan tersebut,





Frog VLE telah diperkenalkan KPM di bawah projek 1Bestarinet ke arah melestarikan PPPM Tahun 2013-2025 (PPPM 2012). KPM telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) bagi memastikan murid-murid menggunakan dan mengaplikasikan Frog VLE dalam aktiviti harian (BTPN 2018). Laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2013 siri ke-2 menunjukkan tahap penggunaan Frog VLE adalah tidak menyeluruh dan tidak mencapai KPI yang ditetapkan (Jabatan Audit Negara, 2014). Laporan Jabatan Audit Negara Malaysia (2018) juga menunjukkan penggunaan Frog VLE tidak mencapai KPI yang ditetapkan, di mana peratus penggunaan Frog VLE dalam kalangan guru adalah sebanyak 11.5% -31.3%, manakala peratus penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid pula sebanyak 12.3% -31.4% bagi tahun 2018. Merujuk Laporan Ketua Audit Negara (2014), antara isu yang timbul berkaitan dengan Frog VLE adalah isu penggunaan yang terhad dalam makmal komputer sekolah dan tiada kesinambungan penggunaan di luar waktu persekolahan serta kelajuan capaian internet di sekolah yang erima rangkaian 1Bestarinet tidak memuaskan.

Peratusan yang agak rendah bagi penggunaan Frog VLE dalam kalangan guru dan murid berkemungkinan disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya kekangan masa dan infrastruktur (Hasliza et al., 2016), seperti kekurangan peralatan teknologi seperti komputer atau laptop dan capaian internet (Mahizer & Mohd Azli, 2016). Secara tidak langsung proses pembelajaran dan pemudah cara akan terganggu. Maka, kajian penggunaan Frog VLE perlu dilakukan untuk merapatkan jurang digital di antara sekolah luar bandar dan bandar. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah memperoleh laporan daripada BTPN Melaka, berkaitan penggunaan Frog VLE. Dapatan capaian KPI pencapaian Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)



luar bandar negeri Melaka adalah seperti Jadual 1. Laporan menunjukkan kesemua SJKT luar bandar negeri Melaka gagal untuk mencapai KPI yang ditentukan. Ini menunjukkan masih ramai murid yang tidak menggunakan Frog VLE untuk menyelesaikan tugas mereka.

Jadual 1.1

Dapatan capaian KPI pencapaian SJKT Negeri Melaka

Kod Sekolah	Nama Sekolah	Status	Kategori	Gred	Bilangan Murid	Pencapaian KPI	% Capai Target Negeri
MBD1054	SJKT LDG Bukit Asahan	Tidak	Luar Bandar	B	36	1	1.85
MBD0070	SJKT LDG Tebong	Tidak	Luar Bandar	B	52	3	4.72
MBD1055	SJKT LDG Bukit Kajang	Tidak	Luar Bandar	B	92	9	9.79
MBD2083	SJKT Melaka (KUBU)	Capai	Bandar	A	324	50	15.52
MBD0063	SJKT Rumbia	Tidak	Luar Bandar	B	87	17	19.16
MBD1057	SJKT LDG Jasin	Tidak	Luar Bandar	B	39	12	30.49
MBD1051	SJKT Lalang	Tidak	Luar Bandar	B	55	20	36.46
MBD0061	SJKT Batang Melaka	Capai	Bandar	A	283	104	36.84
MBD0068	SJKT Alor Gajah	Tidak	Luar Bandar	B	98	45	45.75
MBD0069	SJKT Pulau Sebang	Tidak	Luar Bandar	B	75	35	46.80
	LDG Sg Baru (H/D)						

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Kod Sekolah	Nama Sekolah	Status	Kategori	Gred	Bilangan Murid	Pencapaian KPI	% Capai Target Negeri
MBD1056	SJKTL DG Diamon d Jublee	Tidak	Luar Bandar	B	72	38	53.33
MBD1052	SJKT Jasin	Capai	Bandar	A	267	159	589.45
MBD2085	SJKT Paya Rumpit	Tidak	Luar Bandar	B	129	85	65.94
MBD1058	SJKT Merlimau	Tidak	Luar Bandar	B	96	65	67.60
MBD0066	SJKT Kemuning (H/D)	Tidak	Luar Bandar	B	31	21	68.70
MBD0062	SJKT Durian Tunggal	Tidak	Luar Bandar	B	152	108	70.88
MBD0064	SJKT LDG Gadek	Tidak	Luar Bandar	B	27	21	76.08
MBD2084	SJKT Bukit Lintang	Tidak	Luar Bandar	B	101	79	78.96
MBD0097	SJKT Pekan Tebong	Tidak	Luar Bandar	B	39	33	84.29
MBD0067	SJKT LDG Kemuning Kru Division	Tidak	Luar Bandar	B	50	44	87.60
MBD1059	SJKT LDG Serkam	Tidak	Luar Bandar	B	26	25	99.38



Pelbagai langkah telah diambil untuk melihat keberkesanan penggunaan Frog VLE ke atas pencapaian murid termasuklah di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Harmaniza (2017) dan sekolah menengah (Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod, 2018). Namun, penyelidikan di peringkat sekolah rendah masih lagi kurang terutama SJKT luar bandar. Justeru itu, satu kajian perlu dilaksanakan bagi tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid di SJKT luar bandar di Melaka agar ia boleh dijadikan rujukan untuk membuat penambahbaikan dalam pengaplikasian di peringkat sekolah jenis kebangsaan Tamil rendah luar bandar negeri Melaka.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid sekolah rendah Tamil luar bandar negeri Melaka.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian seperti berikut;

- i. Menenal pasti sikap murid SJKT luar bandar negeri Melaka terhadap penggunaan Frog VLE dalam proses pembelajaran.
- ii. Menenal pasti kemahiran murid SJKT luar bandar negeri Melaka terhadap penggunaan Frog VLE dalam proses pembelajaran.
- iii. Menenal pasti tahap penggunaan Frog VLE murid SJKT luar bandar negeri Melaka.



- iv. Mengenal pasti halangan yang dihadapi murid SRJKT luar bandar negeri Melaka dalam menggunakan Frog VLE.
- v. Mengenal pasti hubungan antara sikap dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.
- vi. Mengenal pasti hubungan antara kemahiran dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.
- vii. Mengenal pasti hubungan antara halangan dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.

1.6 Soalan Kajian



Soalan kajian seperti berikut;



- i. Apakah sikap murid di SJKT luar bandar negeri Melaka dalam penggunaan Frog VLE semasa pembelajaran?
- ii. Apakah tahap kemahiran murid di SJKT luar bandar negeri Melaka dalam penggunaan Frog VLE semasa pembelajaran?
- iii. Sejauh manakah tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid di SJKT luar bandar negeri Melaka?
- iv. Apakah halangan yang dihadapi murid SJKT luar bandar negeri Melaka dalam menggunakan Frog VLE?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid dengan tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka?





- vi. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran murid dengan tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SRJKT luar bandar negeri Melaka?
- vii. Adakah terdapat hubungan signifikan antara faktor halangan dengan tahap penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SRJKT luar bandar negeri Melaka?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis nul dibentuk bagi menjawab soalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Hipotesis Nul 1:



Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.

- ii. Hipotesis Nul 2:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran murid dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.

- iii. Hipotesis Nul 3:

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara halangan dan penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SJKT luar bandar negeri Melaka.



1.8 Kerangka Konsep

Kerangka konseptual merupakan elemen penting bagi sesuatu kajian. Kerangka ini membantu penyelidik mencapai objektif kajian yang menerangkan dan menghuraikan secara terperinci tentang hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Penyelidik membentuk kerangka konseptual berdasarkan teori, model dan kajian-kajian lepas tentang pemilihan instrumen yang berkaitan dengan kajian.

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini merangkumi penggunaan Frog VLE dalam proses pembelajaran. Manakala pemboleh ubah tidak bersandar ialah sikap, kemahiran dan halangan. Penggunaan Frog VLE merupakan pemboleh ubah bersandar. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor halangan yang mempengaruhi penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid sekolah rendah Tamil luar bandar negeri Melaka. Antara faktor yang dikenal pasti ialah sikap murid terhadap penggunaan Frog VLE. Sikap adalah salah satu faktor yang mempengaruhi seseorang individu dalam menggunakan Frog VLE dalam proses pembelajaran secara sendiri (Sumarni Lapammu dan Zamri Mahmod, 2017).

Hasil tinjauan literatur mendapati instrumen yang telah diadaptasi oleh Sumarni Lapammu dan Zamri Mahmod (2017) adalah sesuai untuk mengukur sikap penggunaan murid dari segi afektif, kognitif dan tingkah laku. Penyelidik juga mendapati bahawa instrumen ini telah dibangunkan dengan merujuk model Model Penerimaan Teknologi oleh Davis (1989) dan terdapat beberapa teori yang telah diaplikasikan dalam konstruk sikap penggunaan Frog VLE antaranya, Teori Difusi



Inovasi (Teori Rogers), Model Technology Acceptance (Model TAM). Maka, di atas sebab tersebut penyelidik telah memilih instrumen ini sebagai alat ukur kajian.


Murid juga tidak dapat menggunakan Frog VLE dalam proses pembelajaran sekiranya tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk menggunakan Frog VLE. Maka penyelidik menggunakan instrumen yang telah digunakan oleh Nadia Abdul Hamid dan Jamalul Lail Abdul Wahap (2017) untuk mengukur kemahiran murid dalam penggunaan Frog VLE yang merupakan pemboleh ubah bersandar kajian ini. Namun, instrumen yang digunakan oleh Nadia dan Jamalul (2017) adalah untuk mengukur kemahiran guru dalam penggunaan Frog VLE. Oleh yang demikian, penyelidik telah mengubahsuai instrumen untuk mengukur tahap kemahiran murid dalam penggunaan Frog VLE.



Halangan merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang ketiga. Bagi mengukur halangan yang dihadapi oleh murid dalam penggunaan Frog VLE, penyelidik telah menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Lai Chee Sem, Noormawati Kamaruddin, Rashidah Lip dan Noridah Hasan (2017). Namun instrumen yang dibangunkan oleh Lai Chee Sem, Noormawati Kamaruddin, Rashidah Lip dan Noridah Hasan (2017) merupakan instrumen yang untuk mengukur halangan yang dihadapi oleh guru, maka penyelidik telah mengadaptasi instrumen untuk mengukur halangan yang dihadapi oleh murid dalam penggunaan Frog VLE.

Kerangka konsep kajian yang terdapat dalam **rajah 1.1** telah dibina berdasarkan kepada model TAM (*Technology Acceptance Model*) yang dikemukakan oleh Davis (1989), dan Teori Difusi Inovasi oleh Rogers (1967).





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid SRJKT luar bandar

Melaka adalah seperti berikut:

1. Murid

Kepentingan kepada murid-murid digariskan kepada beberapa aspek antaranya adalah pencapaian murid dalam proses PdP. Jika pengajaran diaplikasikan dengan cara yang lebih efisien iaitu menggunakan Frog VLE, maka murid-murid dapat belajar dengan lebih mudah dan teratur. Frog VLE dapat digunakan untuk mewujudkan kesinambungan bagi memudahkan pemahaman murid. Lantaran itu, penggunaan Frog VLE merupakan kaedah yang paling berkesan dalam proses memudahkan murid mengaplikasikan pengajaran dan pemudahcaraan yang diperlukan. Kajian ini dilaksanakan untuk memastikan setiap murid mendapat impak yang positif melalui proses pembelajaran menggunakan Frog VLE. Penyelidikan ini turut memberi ruang kepada guru dan murid di luar bandar agar ketinggalan dalam penggunaan Frog VLE di sekolah rendah Tamil luar bandar.

2. Guru

Guru juga mendapat manfaat melalui kajian ini. Frog VLE membantu guru bagi memudahkan pemahaman murid terhadap proses pengajaran. Frog VLE juga memudahkan guru memberikan tugas kepada murid. Selain itu, VLE Frog membantu guru untuk memantau hasil kerja atau tugas yang diberikan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

3. Sekolah

Kajian ini juga penting kepada pelbagai pihak dalam menjana idea bagi memilih kaedah pengajaran dan menyediakan kemudahan yang sesuai kepada pihak sekolah. Pihak yang bertanggungjawab boleh menyediakan lebih banyak kursus penyebaran Frog VLE untuk dijadikan panduan. Malahan guru besar juga boleh mengarahkan dan mewajibkan warga pendidik menggunakan Frog VLE menjalankan PdPc dalam dan di luar bilik darjah.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan SJKT luar bandar negeri Melaka. Sekolah-sekolah ini menjadi pilihan kerana pengkaji mendapati ramai murid di negeri Melaka masih tidak peka terhadap penggunaan Frog VLE dalam proses pembelajaran melalui data yang diperoleh dari pihak BTPN negeri Melaka.

Kajian ini berfokus kepada murid-murid Tahap 2 di sekolah-sekolah Tamil luar bandar di negeri Melaka. Penyelidik telah memilih murid-murid Tahap 2 khususnya



murid Tahun 5 kerana mereka lebih mudah memahami soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik. Malah, murid- murid tahun 5 juga tidak terlibat dalam sebarang peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Memandangkan kajian ini melibatkan murid-murid Tahun 5 di SJKT luar bandar negeri Melaka, maka hasil dapatan kajian ini tidak boleh digunakan dan digeneralisasikan untuk memberikan rumusan ke atas murid-murid sekolah Tamil luar bandar di seluruh Malaysia. Manakala soal selidik merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data daripada responden kajian.

1.11 Definisi Operasional



Bahagian ini membincangkan definisi operasi iaitu sikap. Kemahiran, halangan penggunaan VLE, Penggunaan Frog VLE, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan murid sekolah luar bandar.

1.11.1 Sikap

Sikap dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku (Triandis, 1971). Triandis mendefinisi kognitif sebagai pemikiran, pengetahuan dan fakta, manakala Triandis mentakrifkan afektif ialah perasaan sinonim dengan perasaan suka dan tidak suka berhubung sesuatu perkara dan tingkah laku sebagai perilaku seseorang individu.



Dalam kajian ini, sikap merujuk kepada perubahan kognitif, afektif dan tingkah laku murid-murid semasa menggunakan Frog VLE di SJKT luar bandar negeri Melaka.

1.11.2 Kemahiran

Kemahiran didefinisikan sebagai kebolehan sedia ada yang dimiliki oleh setiap individu. Maka kemahiran dalam kajian ini dikaitkan dengan cara mengakses komputer yang diperlukan oleh seseorang pelajar.

Kemahiran dalam konteks Frog VLE ialah kemahiran menggunakan hamparan elektronik seperti telefon, komputer dalam Frog VLE, dan menggunakan Internet. Seterusnya pelajar memperoleh bahan PdP dan memuat naikan bahan tersebut dalam Frog VLE untuk dijadikan bahan bantu belajar untuk dikongsi dengan rakan-rakan lain.

1.11.3 Halangan Penggunaan Frog VLE

Menurut Khalid Bingimlas (2009), halangan ditakrifkan sebagai sesuatu perkara yang menjadi kekangan dalam mencapai matlamat yang diimpikan. Merujuk kepada Ertmer (1991) terdapat dua jenis halangan iaitu halangan luaran dan dalaman. Menurut Ertmer, halangan luaran lebih sinonim dengan organisasi contohnya akses, masa,

sumber dan juga latihan, manakala halangan dalaman pula merujuk kepada individu contohnya sikap dan kepercayaan.

Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji penggunaan Frog VLE dalam aspek pengurusan dan kemudahan yang menjadi halangan kepada murid untuk dalam proses pembelajaran di sekolah rendah jenis Tamil luar bandar negeri Melaka.

1.11.4 Penggunaan Virtual Learning Environmen Frog (VLE)

Frog VLE merupakan satu sistem pembelajaran maya berasaskan web. Frog VLE juga memainkan peranan sebagai ruang sosial yang menghubungkan sekolah di bawah satu bumbung secara fleksibel. Frog VLE membolehkan proses pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana saja (Shafiezul Shahaimi & Fariza Khalid, 2017).

Dalam kajian ini, Penggunaan Frog VLE merujuk kepada penggunaan oleh yang dilakukan oleh murid dari SJKT luar bandar negeri Melaka seiring dengan aspirasi KPM yang menekankan penggunaan ICT dalam kalangan murid sama ada pada waktu sekolah atau selepas waktu sekolah. Maka, penggunaan Frog VLE dipantau oleh BTPN setiap minggu untuk melihat pencapaian KPI bagi setiap sekolah.

1.11.5 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Luar Bandar

Dalam konteks kajian ini SJKT Luar Bandar merujuk kepada sekolah-sekolah yang berada di luar kawasan bandar, jauh dari pekan besar dan berada di luar kawasan

pembangunan. Luar bandar didefinisikan sebagai kawasan yang mempunyai kemudahan infrastruktur yang sangat kurang, penggunaan teknologi yang mundur dan sebagainya.

1.12 Kesimpulan

Bab ini menerangkan pengenalan kepada kajian, latar belakang kajian, analisis kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian yang timbul, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian dan juga definisi operasional yang berkaitan kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik, iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Frog VLE dalam kalangan murid sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil negeri Melaka.